

Projek elak banjir 3 negeri

Pelaksanaan manfaat 205,000 penduduk Perlis, Johor, Perak

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
mnasaruddin@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang dilaksanakan di Perlis, Perak dan Johor untuk mengawal bencana alam yang dimulakan Januari lalu membabitkan kos RM1.02 bilion sudah hampir 20 peratus siap.

Projek di bawah penyeliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu menumpukan pembinaan ban dan struktur tebatan banjir, melebar dan mendalamkan sungai, membuat lencongan banjir serta membina rumah pam khusus untuk mengawal limpahan air.

Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Banjir JPS, Abd Mutalib Mat Hassan, berkata projek RTB Kerian, Perak, RTB Arau, Perlis serta RTB Segamat, Johor apabila siap kelak akan memberi manfaat kepada 205,000 penduduk di tiga negeri terbabit.

Katanya, daripada jumlah kos itu, RM490 juta diperuntukkan bagi pembinaan RTB Kerian, manakala RM300 dan RM231 juta lagi di RTB Perlis dan RTB Segamat.

"Pelaksanaan RTB Kerian dijangka dapat menyelesaikan masalah banjir bukan saja di Perak, malah daerah daerah Bandar Baharu (Kedah) dan Seberang Perai Selatan (Pulau Pinang)," katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

Dalam pembentangan Belanja 2012 lalu, Perdana Menteri, Da-

tuk Seri Najib Razak mengumumkan kerajaan akan melaksanakan projek RTB di Perlis, Perak dan Johor sebagai inisiatif awal dan jangka panjang untuk memastikan empat juta rakyat di negara ini yang kini masih tinggal di kawasan berisiko banjir terlepas daripada menerima ancaman bah itu.

Manakala di RTB Perlis dan RTB Segamat pula, Mutalib berkata, ia tertumpu kepada kerja menaik taraf Sungai Arau, Empangan Timah Tasoh Fasa dua, Sungai Chodan dan

Sungai Segamat.

"Kawasan Bandar di Raja Arau (Perlis) sering dilanda banjir kerana kapasiti aliran air sedia ada di Sungai Arau tidak dapat menampung limpahan air terutama ketika hujan lebat, malah sehingga kini tiada komponen RTB dibina di kawasan terbabit bagi mengatasi masalah banjir," katanya.

"Manakala kerja naik taraf Sungai Chodan dan Sungai Segamat sangat penting bagi menangani masalah banjir terutama di bandar Segamat," Katanya.

Mutalib berkata, dari segi tempoh pembinaannya, RTB Kerian dijangka akan siap lebih awal iaitu Disember 2014 manakala RTB Perlis pula Mac 2015.

Katanya, dengan pembinaan RTB ini, ia diharap dapat mengatasi masalah banjir di beberapa kawasan disamping mengurangkan kos kerugian yang terpaksa ditanggung rakyat setiap kali banjir melanda kawasan mereka.

FAKTA

RTB

■ RTB Perlis - memanfaatkan 56,000 penduduk di Arau.

■ RTB Kerian - lebih 100,000 penduduk di daerah Kerian dan Selama, Perak; Bandar Baharu, Kedah serta Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

■ RTB Segamat - memanfaatkan lebih 49,000 penduduk di bandar Segamat.